

CNS9340

U GB 19-01 00193 BH331

aab

Mahathir - Mahkamah

KERAJAAN KAJI ASPEK-ASPEK PERUNDANGAN DALAM KES RASUAH

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan membuat kajian yang meliputi pelbagai aspek perundangan berhubung dengan kes-kes rasuah termasuk mengenalpasti kemungkinan kewujudan sebarang kelemahan dalam sistem sekarang.

Kerajaan menganggap rasuah sebagai perkara yang berat, kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas lanjut kenyataan beliau semalam berhubung dengan keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes rasuah Ketua Menteri Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Ia akan turut meliputi sama ada kerajaan patut mendakwa pemimpin daripada parti pembangkang dalam kes-kes rasuah pada masa akan datang, katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas menghadiri jamuan makan tengah hari yang diberi oleh Menteri Belia dan Sukan Haji Ghani Othman kepada Jemaah Menteri di sini.

"Biasanya kes-kes rasuah yang boleh dibawa ke mahkamah hanya sedikit saja kerana kebanyakan daripada kes rasuah yang telah dilakukan, kita tidak boleh dapat bukti," kata Dr Mahathir.

Semalam, Perdana Menteri berkata keputusan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu yang menjatuhkan hukuman denda RM1,800 ke atas Pairin dalam satu kes rasuah seolah-olah mempunyai sesuatu "mesej" kepada Kerajaan Persekutuan.
-- lagi

▼19/01/17-14MST

CNS9345

U GB 19-01 00153 BH332

aab

Mahathir - Mahkamah 2 Kuala Lumpur

Pairin didapati bersalah menggunakan kedudukannya meluluskan projek pembinaan rumah kedai bernilai RM1.48 juta kepada sebuah syarikat yang anggota keluarganya mempunyai kepentingan.

Mengikut Seksyen 2(1) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 1970, kesalahan itu membawa hukuman denda maksimum RM20,000 atau penjara tidak melebihi 14 tahun atau kedua-duanya sekali.

Pairin, yang membuat keputusan mengadakan pilihan raya negeri lebih awal pada bulan depan, masih layak bertanding pada pilihan raya itu kerana hukuman ke atasnya tidak menghilangkan kelayakannya untuk menjadi Wakil Rakyat.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan cuba memahami "mesej" daripada keputusan kes berkenaan kerana menganggap rasuah adalah kesalahan yang besar.

"Kita hendak tahu apa dia (mesej) itu. Di mana salah kita. Kita buat undang-undang yang salahkah atau kita membuat pendakwaan salah. Ataupun sepatutnya kes yang melibatkan tokoh politik yang memimpin parti pembangkang tidak patut di bawa ke mahkamah," katanya. -- lagi

▼19/01/17-16MST

CNS9532

U GB 19-01 00146 BA520

aab

(Ulangan - Membetulkan para akhir)

Mahathir - Mahkamah 3 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata: "Sebaliknya, apabila mesyuarat Umno diikuti oleh anggota yang tidak sah di kampung, Umno disyiharkan tidak sah. Itu dipandang berat tapi yang ini (kes rasuah) tidak dipandang berat, jadi kita hendak tahu apa dia (mesej itu)," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga berkata kajian itu akan turut melihat sama ada undang-undang yang berhubung dengan kes rasuah sekarang adalah keterlaluan ataupun tidak perlu ada undang-undang seumpama itu.

Beliau juga ditanya sama ada kerajaan akan mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Agung berhubung keputusan itu.

Katanya: "Kita tidak akan rayu. Mengapa perlu kita kemukakan rayuan. Laqipun, ia tidak akan membawa kita ke mana-mana. Orang akan kata kita cuba hendak menganiayai dia." -- Bernama

AZG AH ZV SIA

▼19/01/18-39MST